

# 'Sahabat hanya hadir di sisi ketika mahukan kesenangan'

Najib luah isi hati, ambil pengajaran pelbagai perkara menimpa ketika dibicarakan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak yang sedang berdepan pendakwaan kes jenayah dan sivil berkait syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di mahkamah, mengakui sukar untuk beliau mencari sahabat sejati sepanjang mengharungi prosiding kes terbabit.

Luahan bekas Perdana Men-

teri itu dizahirkan selepas mendapati sebilangan 'sahabatnya' hanya berada di sisi ketika mahu kesenangan, malah lebih menghiris hati apabila wujud juga mereka yang bermuka-muka.

Enggan terus terkurung dalam situasi sedih itu, bekas pemimpin yang sudah kira-kira enam tahun mengharungi perbicaraan kes berkaitan dana 1MDB itu mengambilnya sebagai pengajaran.

"Sukarnya mencari sahabat sejati. Belum tentu yang ada di sisi itu sahabat yang hadir di waktu sukar. Ramai yang tunjuk muka ketika mahu kesenangan. Ada yang bermuka-muka.

"Tetapi hidup ini memang penuh pengajaran. Di kala kepeghitan hari ini, ada setitik kemanisannya dan penghargaan," katanya menerusi perkongsian di akaun media sosial selepas prosiding kes di Mahkamah

Tinggi di sini, kelmarin.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi memerintahkan Najib membela diri atas 25 pertuduhan penguasaan wang haram dan menggunakan kedudukan untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah, yang kini Hakim Mahkamah Rayuan yang mendengar perbicaraan kes itu, memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap Najib, 71.

Najib yang mula menghadapi pendakwaan sejak September 2018, menghargai sesetengah sahabatnya yang masih memberi sokongan dengan hadir di mahkamah.

"Terima kasih kepada sahabat yang datang ke mahkamah hari ini. Bukan sahaja daripada pemimpin parti politik atau kenalan.

"Dilihat begitu ramai daripada kalangan penyokong dan rakyat biasa yang mengenang jasa dan merindui dasar pentadbiran dahulu. Ikhlas. Inilah yang benar-benar sahabat sejati," katanya.

## Dakwa keputusan tak adil

Sementara itu, anak perempuan Najib, Nooryana Najwa, menerusi perkongsian di Instagram Stories, mendakwa keputusan mahkamah terhadap bapanya membabitkan kes 1MDB itu sebagai tidak adil.

Beliau turut mempersoalkan keadaan yang menunjukkan seolah-olah hanya bapanya menanggung akibat sedangkan kes 1MDB membabitkan ramai individu dan organisasi.

"Hanya seorang sahaja yang menanggung akibatnya. Ini bukan keadilan. Dalang sebenar masih bebas, terlepas daripada

tindakan," katanya.

Pada masa sama, Nooryana berkata, perbicaraan 1MDB berkait rapat dengan banyak insiditi kewangan global, kegagalan tadbir urus di pelbagai peringkat dan pembabitan agensi tempatan serta luar negara.

Katanya, beliau sedih melihat hanya bapanya itu yang dipersalahkan dalam kes itu.

Terdahulu dalam perkongsian di platform sama selepas keputusan mahkamah kelmarin, Nooryana 'meminta' bapanya supaya tidak putus harapan dengan perkembangan terbaru itu.

Nooryana memberikan gambaran bahawa dirinya dan keluarga akan terus tabah berdepan situasi terbabit.

"Jangan pernah putus harapan. Ribut menjadikan seseorang lebih kuat dan (ia) tidak akan kekal selama-lamanya," katanya.